

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	: : PERMOHONAN KELULUSAN DAN PERUNTUKAN MELAKSANAKAN PROJEK PERINTIS PENAMBAHBAIKAN PROSES/ PROSEDUR BAGI KELULUSAN MENDIRIKAN BANGUNAN INDUSTRI & PERMIT OPERASI
TARIKH	: JANUARI HINGGA APRIL 2021
CADANGAN TEMPAT PELAKSANAAN	: WILAYAH UTARA (NEGERI KEDAH)
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN	: PERUNTUKAN DIPOHON : <u>RM35,000.00</u> <i>MENGGUNAPAKAI BAJET RMK12 - FORGING A ROBUST ECOSYSTEM (FORE)</i>
BAHAGIAN / WILAYAH / UNIT	: : MPC WILAYAH UTARA
OUTPUT	1. MEMBANGUNKAN DAN MENJALANKAN PENAMBAHBAIKAN PROSES RANTAIAN KELULUSAN PEMBANGUNAN BANGUNAN INDUSTRI DI KAWASAN PERINDUSTRIAN KULIM HI-TECH; 2. MEWUJUDKAN GARIS PANDUAN YANG TELUS UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN.
IMPAK	1. MEMASTIKAN KELANGSUNGAN PENINGKATAN PELABURAN NEGERI KEDAH SENTIASA PRODUKTIF DAN BERDAYA SAING; 2. MEMUDAH CARA PELABUR DALAM MEMBANGUNKAN DAN MENJALANKAN PERNIAGAAN.

PERMOHONAN KELULUSAN DAN PERUNTUKAN MELAKSANAKAN PROJEK PERINTIS PENAMBAHBAIKAN PROSES/ PROSEDUR BAGI KELULUSAN MENDIRIKAN BANGUNAN INDUSTRI & PERMIT OPERASI

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi MPC Wilayah Utara untuk melaksanakan projek perintis penambahbaikan proses/ prosedur bagi kelulusan mendirikan bangunan industri dan mendapatkan permit operasi bagi pelaburan yang melebihi RM100 juta di Kawasan Perindustrian Kulim Hi-Tech.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Tujuan kertas ini adalah untuk menjalankan projek perintis bagi memudahcara kelulusan yang panjang oleh pengawal selia untuk kelulusan bangunan industri dan permit operasi bagi pelaburan di kawasan Kulim Hi-Tech Arena (13,284.40 ekar). Keperluan bagi memudahcara kelulusan ini adalah untuk memudahkan pelabur menjalankan perniagaan dan membolehkan pelabur membuat pengeluaran operasi dengan cepat iaitu selepas tempoh 10 bulan.

2.2 Masalah timbul apabila pemaju sukar untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi teknikal. Ini disebabkan faktor-faktor berikut:

2.2.1 Agensi teknikal lambat memberikan ulasan. Terdapat kes Pusat Setempat (OSC) telah menerima sokongan agensi teknikal setelah OSC menolak permohonan pemajuan yang dikemukakan.

2.2.2 Agensi teknikal mengenakan syarat yang memerlukan tempoh pematuhan yang panjang seperti mensyaratkan *Traffic Impact Assessment* (TIA) sebelum OSC dapat mendaftarkan permohonan berkenaan. Oleh kerana kelulusan TIA memerlukan tempoh yang panjang, pemaju terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama sebelum permohonan dapat dibuat. Sedangkan TIA hanya diperlukan diakhir kelulusan untuk mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

2.2.3 Agensi teknikal mengenakan syarat tambahan selepas Kebenaran Merancang (KM) diluluskan. Terdapat agensi yang mengenakan syarat kepada pemaju untuk membuat pengambilan tanah bagi tujuan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti perparitan dan jalan walaupun syarat ini tidak dikenakan semasa kelulusan KM.

2.3 Isu-isu yang dinyatakan di atas menjejaskan keyakinan pelabur dalam kelancaran pengurusan projek pembinaan dan operasi industri yang dijalankan. Masalah ini turut memberi kesan terhadap daya saing daerah Kulim dalam menarik pelaburan dalam dan luar negara.

- 2.4 Projek perintis ini adalah melibatkan Industri Risen Solar Malaysia Facility Sdn Bhd yang akan membuat pelaburan sebanyak RM42 billion.

3.0 PELAKSANAAN PROGRAM

- 3.1 Tugas utama yang akan dijalankan adalah merancang, mengenal pasti maklum balas dan mencadangkan kaedah yang lebih efektif dengan menjalankan kolaborasi bersama pemegang taruh yang terlibat bagi penyelesaian permasalahan industri serta membantu memudahcara kelulusan oleh pelabur untuk menjalankan perniagaan.

Aktiviti		Jan	Feb	Mac	Apr
1.	Membentuk rakan strategik	/			
2.	Membangunkan konsep keberkesanan projek		/		
3.	Promosi dan dapatan maklumat		/	/	
4.	Laporan program dan penambahbaikan				/

4.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

- 4.1 Keperluan perbelanjaan berikut diperlukan untuk menjalankan projek perintis.

No.	Perkara	Anggaran Kos	Jumlah
1.	Bayaran <i>Subject Matter Expert</i> (SME) bagi menjalankan aktiviti projek: • Kenalpasti proses/prosedur sedia ada (pemetaan 'as is'); • Menganalisa isu kelewatan proses kelulusan • Menyediakan cadangan penambahbaikan proses/ prosedur ('to be'); • Menyediakan draf & laporan akhir.	10 <i>man-days</i> x RM2,000	RM20,000
2.	Siri Pengumpulan Data (Pakej bengkel bersama pihak berkuasa, agensi teknikal dan syarikat). (<i>Tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa negeri</i>)	a) 1 full day x 12 pax x RM200 = RM 2,400 b) 1 full day x 13 pax RM200 = RM2,600	RM5,000
3.	Aktiviti promosi bagi pemakluman dan perkongsian inisiatif penambahbaikan proses/ prosedur (artikel dan media termasuk TV/Radio) dan laporan program	-	RM10,000
	JUMLAH		RM35,000

4.0 CADANGAN / SYOR

MPC Wilayah Utara memohon pertimbangan pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) untuk meluluskan cadangan ini iaitu untuk melaksanakan projek perintis penambahbaikan proses/ prosedur bagi kelulusan mendirikan bangunan industri dan mendapatkan permit operasi di Kawasan Perindustrian Kulim Hi-Tech dengan anggaran kos sebanyak RM35,000 menggunakan Bajet Pembangunan RMK12 Forging A Robust Ecosystem (FORE) yang telah diluluskan (Rujukan: Keratan Minit Mesyuarat Bom Bil. 8/2021, Tarikh: 06/01/2021)

Disediakan oleh:

Mohamad Sahril Ahmad Puzi
Pengurus
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 19 Januari 2021

Disemak oleh:

Dr. Mazrina Mohd Ibramsah
Pengarah
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 19 Januari 2021

Disokong oleh:

Pn. Wan Fazlin Nadia
Pengarah
NC/PCD
Tarikh: 19 Januari 2021